

MEMORANDUM RASMI

PADA: Setiausaha Kerajaan Negeri	KEPADA: Sila lihat agihan
ARA: Penyerahan Senjatapi Kepada Waris	SALINAN KPD: Timbalan Setiausaha Kerajaan (Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Korporat)
KAMI: JKM.P/SEC/05/011/11 h: 8/9/2004	RUJ. TUAN: Tarikh:

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti di atas dan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Bahagian Miri pada 6 September 2004.

2. Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa terdapat permohonan untuk mewarisi senjatapi daripada pemilik apabila berlaku kematian tidak menepati syarat-syarat dan oleh yang demikian permohonan ditolak. Tetapi masalah yang dihadapi oleh pegawai daerah ialah apabila permohonan ditolak senjatapi masih berada didalam simpanan permohon kerana ianya tidak diserahkan kepada pihak polis semasa membuat permohonan untuk 'probate' senjata tersebut. Oleh yang demikian ada di antara perwaris-perwaris kini memiliki senjatapi dengan secara tidak sah dan harus memulangkan perkara tersebut kepada pihak polis.

3. Mulai keluarnya surat ini, sebelum permohonan untuk 'probate' senjatapi dimajukan, hendaklah terlebih dahulu menyerahkan senjatapi mereka kepada pihak polis. Satu surat penyerahan senjatapi daripada polis akan dikeluarkan sebagai pengesahan. Semasa memajukan permohonan untuk 'probate' senjatapi, surat penyerahan senjatapi hendaklah disertakan bersama sebelum permohonan dapat diproses.

Sekian, terima kasih

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"


(DATU DR YUSOFF NOOK)
b.p Setiausaha Kerajaan Negeri